# MOBILITI AKADEMIA PENGANTARABANGSAAN

**Simmathiri A/L Applanaidu**
**Unit Pengantarabangsaan,**
**Politeknik Merlimau**





# MOBILITI AKADEMIA PENGANTARABANGSAAN



**Edisi pertama**
**Cetakan Pertama 2023**
**©Perpustakaan Negara Malaysia**

**Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanik lain, tanpa kebenaran bertulis daripada penulis, kecuali dalam hal petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan dan kegunaan bukan komersial.**

**Penulis :**
**Simmathiri A/L Applanaidu**

**Diterbitkan oleh:**
**Politeknik Merlimau, Melaka**
**KB1031 Pej Pos Merlimau,**
**77300 Merlimau Melaka**

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2762-51-5

Penaung
**Mejar Norizam bin Sekak**

Mentor Penulisan JKC Pengantarabangsaan
**Sr Mohamad Kelana bin Juwit**

Pengerusi Unit Pengantarabangsaan
**Simmathiri A/L Applanaidu**

## Sidang Redaksi

Ketua Editor
**Simmathiri A/L Applanaidu**

Penulis
**Simmathiri A/L Applanaidu**
**Muhammad Taufiq Bin Mohamed Ibrahim**

Editor
**Fadhillah Binti Mohd Nasir**
**Hamidah Binti Abd Latiff**

Grafik
**Fadhillah Binti Mohd Nasir**
**Azlin Binti Kamis**

Jawatankuasa
**Haryani Binti Hassan**
**Subashnee A/P Marimuthu**
**Izatul Syazreen Binti Mohd Ismail**
**Bobby Chew Han Yong**
**Myia Yuzrina Binti Ayol**

# PRAKATA

Salam sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi Mobiliti Akademia Pengantarabangsaan, Politeknik Merlimau ini.

Pendedahan pelajar IPT kepada dunia luar khususnya melalui program-program keluar negara adalah sangat penting bagi menyediakan mereka kepada persaingan dunia tanpa sempadan yang sebenar. Seruan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan jumlah mobiliti pelajar ke luar negara telah mendapat sambutan sangat mengalakkan daripada semua IPT di negara
ini.

Akhir kata, saya berharap garis panduan ini menjadi panduan, rujukan seterusnya dapat membantu mengekalkan kecemerlangan serta memberi impak yang positif dalam semua aspek kejayaan terutamanya pada peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**Simmathiri A/L Applanaidu**
**Pengerusi Unit Pengantarabangsaan**

# SIDANG REDAKSI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi Mobiliti Akademia Pengantarabangsaan, Politeknik Merlimau ini.

Dengan terhasilnya buku ini adalah diharapkan menjadi rujukan untuk aktiviti mobiliti akademik pengantarabangsaan kepada semua dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan. Menjadi tanggungjawab setiap pelaksana untuk mematuhi setiap perundangan dan proses kerja yang melibatkan program di peringkat antarabangsa.

Semoga buku Mobiliti Akademia Pengantarabangsaan ini dapat membantu dan menjadi rujukan kepada semua yang terlibat.

**Fadhillah binti Mohd Nasir**
**Penyelaras Kandungan**
**Mobiliti Akademia Pengantarabangsaan**

# ISI KANDUNGAN

Tujuan..........................................................................i
Latar Belakang..............................................................i
Bab 1 : Matlamat Buku Mobiliti Pengantarabangsaan.........1-7
Bab 2 : Rasional dan Panduan Aktiviti...............................8-14
Bab 3 : Perkongsian dan Pemindahan Ilmu.......................15-18
Jabatan Akademik........................................................................19
Bidang Kesepakaran....................................................................19
Niche Area dan Fokus Unit.......................................................20
Lampiran..........................................................................................21

- Senarai Semak Perancangan Aktiviti...........................22
- Senarai Semak Fail Penyelaras Jabatan.......................23
- Senarai Semak Unit Latihan Industri.............................24
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Unit)..........................25
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Jabatan).....................26
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Program Luar).............27
- Carta Alir Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).........28
- Carta Alir Promosi dan Pemasaran...............................29

Ulasan dari Pengarang/Penulis..........................................30
Rujukan...........................................................................................31

# TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada pihak jabatan akademik/ unit tentang proses kerja, perancangan dan pelaksanaan program pengantarabangsaan di Politeknik Merlimau.

# LATAR BELAKANG

Unit Pengantarabangsaan Politeknik Merlimau (PMM) ditubuhkan bagi menyelaraskan segala perkara berkaitan usaha memperkenalkan PMM kepada peringkat serantau dan antarabangsa.

Unit ini menjalankan fungsi berdasarkan kepada Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia berkuatkuasa pada 15 Mei 2014. Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia menggariskan beberapa strategi perlaksanaan dan digunapakai oleh pegawai, pensyarah dan politeknik bagi mewujudkan keseragaman dalam pengendalian segala urusan yang berkaitan aktiviti dan program antarabangsa yang dijalankan oleh jabatan dan institusi.

# BAB 1

## Matlamat Buku Mobiliti Akademia Pengantarabangsaan PMM Yang Membantu Mencapai Objektif Pelaksanaan Aktiviti Pertukaran Pelajar Pengantarabangsaan di Politeknik Merlimau Melaka

Sebagai seorang Pegawai Pengantarabangsaan, adakah anda sering menghadapi kesukaran dalam mempraktikan “lean management in internationalization documentation” selain daripada garis panduan dan template operasi standard mengenai dokumentasi ''Amalan Lean'' khusus dalam aktiviti pertukaran pelajar di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang TVET mahupun akademia?




**Sumber KPT: Pembuktian Dasar KPT**

Merujuk kepada badan organisasi ASME, menyatakan bahawa lean akan memberikan impak berterusan sekiranya memahami keadaan ini dalam aktitiviti iaitu ***"At the highest level, the goal of adopting lean thinking is to quickly deliver value to customers in shorter cycle times without sacrificing quality or the well-being of a team. It's about optimizing the way value flows through a delivery cycle in a sustainable way that doesn't delay delivery or jeopardize team morale"*** (Crawford, Mark 2016)



# MATLAMAT UTAMA

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengadakan pertemuan dengan Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun, pada 25hb Jun 2023 yang lalu melalui pertemuan tersebut beliau menyokong penuh dasar pertukaran pelajar di Peringkat antarabangsa.

Bagi menyambut dasar tersebut, Unit Pengantarabangsaan PMM telah membangunkan panduan yang bertujuan untuk membantu para akademik bukan sahaja di Politeknik Merlimau malahan institusi di bawah POLYCC dengan lebih jelas. Objektif kami, di Unit Pengantarabangsaan PMM adalah untuk membangunkan senarai semak garis panduan pelaksanaan aktiviti rentas sempadan dan:

- Menjadi rujukan kepada pegawai dan para akademik mengenai penyediaan dokumentasi yang lengkap sebagai persediaan.
- Memahami Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan lebih jelas mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPT & POLYCC
- Data bank dokumentasi di peringkat institusi dokumen menggunakan OneDrive.
- Membantu dalam penyediaan senarai semak garis panduan dan templat pelaksanaan mobility.
- Pencapaiaan Pelaksanaan aktiviti pertukaran mobility dapat didokumenkan dengan lebih teratur
- Memudahcara proses pemprosesan dokumen secara berstruktur seperti pemilihan, penyediaan visa, pengurusan tiket dan insuran serta penyediaan tempat latihan dan pertukaran yang selamat.
- Memastikan dapat memantau dan menilai kemahiran serta latihan yang diberikan dalam pertukaran mempunyai nilai kebolehpasaran graduan kelak.
- Buku panduan ini adalah panduan kepada pegawai atau pensyarah yang berkenan untuk dimotivasikan.

# IMPAK

## Impak melalui program ini merangkumi 3 aspek utama kepada Negara, institusi dan pelajar itu sendiri




Program ini merupakan jalinan kerjasama di antara pensyarah dan pelajar daripada politeknik dalam meningkatkan keterlihatan pendidikan TVET Malaysia di peringkat Asia, secara tidak langsung dapat mengangkat politeknik sebagai penyedia TVET terunggul dalam peringkat global.

Jaringan kerjasama yang erat dapat diperkukuhkan lagi antara institusi-intitusi teknikal serantau, seterusnya perkongsian sumber dan maklumat dapat dilaksanakan dalam penghaslian gagasan idea-idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif pada masa akan datang.

# IMPAK

Usaha ini juga selari dengan cogan kata #PMMWarriors yang menggambarkan semangat dan kebersatuan semua warga PMM dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang:

1. Responsif: Pensyarah proaktif dan bekerjasama dalam menjalankan aktiviti yang dihasratkan bersama dengan pihak institusi di Indonesia.

1. Daya juang: kesungguhan, semangat dan kesungguhan pensyarah untuk mengorbankan sumber tenaga, dan masa untuk menjalankan aktiviti berasaskan kemahiran demi meningkatkan imej Politeknik.



# OBJEKTIF PROGRAM

1. Menjalinkan hubungan dua hala dengan lebih baik terutama dalam perkongsian ilmu, pertukaran teknologi dan budaya diperingkat antarabangsa
2. Memperkukuhkan hubungan kolaborasi dan komunikasi yang baik dalam kalangan pelajar kedua-dua institusi
3. Mewujudkan platform dan pendedahan kepada pelajar dalam pembentangan aktivit PdP.
4. Meningkatkan agenda pengantarabangsaan institusi di bawah JPPKK melalui aktiviti simposium yang diadakan
5. Memberi ruang dan peluang untuk sebar luas ilmu dan pengetahuan melalui "*Knowledge Sharing and Transfer*".
6. Menghasilkan para pensyarah yang berketerampilan di peringkat antarabangsa.

# IMPAK DARIPADA HASIL PELAKSAAN AKTIVITI

Pelaksanaan program ini membawa impak seperti berikut :

1. Memartabatkan Politeknik Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai institusi pendidikan TVET utama negara
2. Melahirkan graduan yang mempunyai keyakinan tinggi dan bertanggungjawab dalam pelbagai aspek kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, pengurusan masa untuk memenuhi pasaran kerja setanding pelajar institusi yang lain
3. Meningkatkan *mobility exchange* dan kefahaman kepelbagaian budaya (*culture diversity*) dalam kalangan pelajar PMM yang terlibat khususnya memahami budaya dan bahasa asing ke arah masa depan yang lebih global
4. Melahirkan graduan yang mempunyai minda baharu berasaskan pendidikan berteknologi *Internet of Thing* (IoT) dan Revolusi Industri 4.0

# BAB 2

## Rasional dan Panduan Aktiviti

### 1. Panduan Membantu Memperkasakan Kepimpinan Bersifat Pewira dan Pejuang

Mobiliti akademia pengantarabangsaan yang dibangunkan ternyata memberi impak dan membantu para pelajar ketika pertukaran mobiliti antara institusi berlaku. Template serta panduan tersebut tenyata membantu mempercepatkan proses penyampaian dengan lebih efisyen. Dengan adanya templat seumpama ini, secara tidak langsung dapat menggalakkan pensyarah, ketua Jabatan atau pejabat antarabangsa untuk mengatur dalam struktur pertukaran mobiliti secara sistematik sama ada secara maya atau fizikal di institusi.

Dalam pengurusan pengantarabangsaan, kerjasama erat dengan pihak pengurusan amat diperlukan. Jawatankuasa Kecemerlangan Pengantabangsaan telah merangka tugas-tugas berdasarkan elemen-elemen utama dalam kejayaan sesuatu aktiviti.






## 2. Panduan Membantu Pertukaran Mobiliti

Pembabitan Politeknik Merlimau selama 10 tahun di dalam aktiviti di peringkat antarabangsa ini menunjukkan pencapaian yang cukup membanggakan. Pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan antaranya pemeteraian kerjasama kolaborasi menerusi pertukaran akademik dan budaya di daerah Palembang, Politeknik Negeri Sriwijaya (PolSri) yang berpusat di Pulau Sumatera dan Universiti Sriwijaya (UnSri) dan Politeknik Palembang (Poltekbar).



Bukan itu sahaja, pertukaran mobiliti melalui latihan industri juga disambut baik di antara Politeknik Merlimau dan Politeknik Negeri Sriwijaya dan Politeknik Negeri Bali. Seramai 38 orang pelajar daripada Universiti Sriwijaya terlibat di dalam program pertukaran pelajar di Politeknik Merlimau. Kursus khas dalam bidang kejuruteraan Elektrik dan Perakaunan turut diberikan kepada mereka. Selain itu, pelajar telah didedahkan dengan pertukaran budaya, masakan dan pakaian tradisonal dan berkesempatan melawat tempat-tempat bersejarah.



## 3. Panduan Pengantarabangsaan Fasikom Pesta Akademik Bahasa Inggeris

Sejak tahun 2019, Politeknik Merlimau Melaka Bersama beberapa buah institusi di serantau turut serta di dalam aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Universiti Sriwijaya, Palembang. Dalam acara ini, para pelajar yang terlibat mendapat jemputan untuk menjadi salah satu jawatankuasa pengelola bersama panel industri sebagai moderator. Melalui program seumpama ini, kehebatan pengucapan awam dan tahap komunikasi para pelajar turut diuji.

Selain itu beberapa aktiviti lain turut dijalankan antaranya pembentangan projek tahun akhir pelajar, pembentangan kertas kerja dan perkongsian mengenai Pembangunan Teknologi TVET. Bukan itu sahaja, 9 orang pensyarah PMM turut berkongsi kertas kerja akademi TVET.



## 4. Panduan Inspirasi Mobiliti Akademia Kursus Bermodul TVET Jangka Pendek “i-VEST 1.0”

Bagi tahun 2022, satu bengkel TVET jangka pendek i-Vest 1.0 telah dilaksanakan, seramai 103 orang pelajar daripada Politeknik Merlimau dan Politeknik Negeri Sriwijaya turut serta dalam program tersebut. Para peserta diberikan pendedahan secara menyeluruh dan para peserta dikehendaki mengambil ujian bagi menamatkan kursus tersebut. Program ini merupakan satu platform yang baik bukan sahaja kepada para pelajar malahan kepada pensyarah dah ahli akademik yang terlibat secara langsung mahupun tidak.



# SIJIL PENYERTAAN PESERTA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

astana digital

Certificate of Participation

This certificate is awarded to

NUR AINNA MARDHIAH BINTI MUSTAFA

For completing the short course on

APPLICATION IoT DEVICE WITH CLOUD COMMUNICATION

that leads to successful undertaking

on 9th January 2020

at Politeknik Merlimau, Melaka

SAIFUL AZMI HAMZAH
Director
Astana Digital Sdn Bhd

Kursus IOt



Microsoft

Certificate of Participation

MOHAMMAD AQIFF HAZIQ BIN ROSSMAN

Has been awarded certificate for attending the course

MICROSOFT OFFICE 365 EDUCATION FOR STUDENTS

at Politeknik Merlimau, Melaka

Organized by Bintara Solutions Sdn Bhd, Microsoft Authorized Education Partner

Shida Zainal
Education Lead, Microsoft Malaysia

Date: January 8, 2020

Kursus Microsoft 365

## 5. Panduan Kearah Pertukaran Pelajar "Internship Industrial Training"

Politeknik Merlimau melalui garis panduan berstruktur ini berjaya menerima 3 orang pelajar daripada program Seameo Sea TVET ke PMM, begitu juga sebaliknya apabila PMM berjaya menghantar 5 orang pelajar tahun akhir menjalani latihan industri di Indonesia, para pelajar selain menimba pengalaman serta menambah ilmu kemahiran yang baharu program seumpama ini ternyata merupakan inisiatif terbaik ke arah memupuk persefahaman kebudayaan antara masyarakat berlainan bangsa dan agama daripada pelbagai negara.








Exchange Students Inbound Dari Politeknik Bali Internship di PMM

# BAB 3

## Merentas Negara Dalam Perkongsian Dan Pemindahan Ilmu Oleh Akademik Politeknik Merlimau

Selain memberikan focus kepada pertukaran pelajar, PMM kini sedang merintis kearah pembangunan pelaburan modal sumber manusia melalui pemetaan reka bentuk dalam sumbangan ahli akademik melalui 27 jenis "Mengkelompokkan Unit Kecemerlangan Penyampaian Kemahiran Pengetahuan".

Melangkah ke peringkat global dan penjenamaan institusi sebagai pusat latihan melahirkan generasi TVET yang berkemahiran dan berkebolehan. Para Pensyarah akademik dari Jabatan Pengajian AM (Bahasa Inggeris), berjaya melatih lebih 26 orang pelajar daripada Institut Asia Malang, Pulau Jawa, Indonesia dengan jayanya.



Pelbagai perkongsian menarik turut dikongsikan kepada para pelajar apabila elemen TVET turut diketengahkan dalam penghasilan aktiviti modul yang dijalankan. Selain itu, Pasukan Kecemerlangan Teknologi Tenaga Hijau juga terlibat di dalam program pertukaran mobiliti selama 3 hari di Politeknik Negeri Malang. Program ini mensasarkan pencapaian sebanyak 100 orang pelajar yang terlibat di dalam “Pemindahan dan Pembelajaran Pengetahuan TVET".

## SIJIL PEMBENTANGAN OLEH PENSYARAH DAN PELAJAR


UNIVERSITAS SRIWIJAYA,
PALEMBANG, INDONESIA
CERTIFICATE OF PRESENTATION
This certificate is presented to
DZUL HANIF BIN ABD JALAL
for presenting in
INTERNATIONAL STUDENT EXCHANGE SYMPOSIUM ACADEMIC 2020 PROGRAMME
11th MARCH 2020
title of
UNUSUAL FLOW DETECTOR USING ARDUINO
Dean of Computer Science
Faculty, Universitas Sriwijaya
Jaidan Jauhari, M.T.
NIP. 197107212005011005

**Sijil Pelajar**


UNIVERSITAS SRIWIJAYA,
PALEMBANG, INDONESIA
CERTIFICATE OF PRESENTATION
This certificate is presented to
RODZAH BINTI HJ YAHYA
for presenting in
INTERNATIONAL STUDENT EXCHANGE SYMPOSIUM ACADEMIC 2020 PROGRAMME
11th MARCH 2020
title of
MONITORING BODY TEMPERATURE BY GSM
Dean of Computer Science
Faculty, Universitas Sriwijaya
Jaidan Jauhari, M.T.
NIP. 197107212005011005

**Sijil Pensyarah**

# Kursus Pendek Pertukaran Mobiliti i-VEST 2.0 dan "Sustainability Exchange"

Politeknik Merlimau Melaka akan bekerjasama dengan 3 buah negara serantau dalam mencapai latihan Pengetahuan dan Kemahiran TVET secara global melalui pembelajaran secara dalam talian kepada pelajar luar/asing dalam mode kerjasama.

Jabatan akan membangunkan modul kursus jangka masa pendek bersama-sama jurulatih bertauliah yang meliputi elemen penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengkhususan mereka. Secara tidak langsung matlamat PMM menjadikan PMM sebagai sebuah institusi TVET yang unggul dapat direalisasikan selaras dengan slogan Unit kami "aktiviti pertukaran pembelajaran komuniti tanpa sempadan setiap tahun".



# Kursus Pendek Pertukaran Mobiliti i-VEST 2.0 dan "Sustainability Exchange"

Pengalaman yang diperolehi daripada latihan industri tersebut ternyata memberikan impak yang positif dan seiring dengan teras utama dasar pengantarabangsaan Kementerian Pendidikan Tinggi. Pembangunan kemahiran insaniah, pendedahan antarabangsa dan pengalaman bekerja oleh Pelajar Tahap Diploma berasaskan TVET adalah nilai tambah dalam meningkatkan kebolehpasaran kerjaya mereka.




Director PMM with Lecturers of Exchange Short Courses
Polytechnic Merlimau to Polytechnic Negeri Sriwijaya
Batch 1-2022

# JABATAN AKADEMIK

1 KEJURUTERAAN AWAM



2 KEJURUTERAAN ELEKTRIK



3 KEJURUTERAAN MEKANIKAL



4 PERDAGANGAN



5 PELANCONGAN & HOSPITALITI



6 MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER



7 PENGAJIAN AM



# BIDANG KESEPAKARAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| KEJURUTERAAN AWAM | Industrialised Building System (IBS) | Graphic & Heritage Architecture | Survey |
| KEJURUTERAAN ELEKTRIK | IOT | Wireless Communication | Fiber Optics |
| KEJURUTERAAN MEKANIKAL | General Mechanical | Mechatronic | Manufacturing |
| PERDAGANGAN | Digital Entrepreneur | Entrepreneurship | |
| PELANCONGAN & HOSPITALITI | Halal Expertise Provider | School of Food Handler Practices | Professional Certificate: Tourism & Hospitality |

# NICHE AREA

CeTraH
CENTRE OF TOURISM & HOSPITALITY

- Berusaha untuk kerjasama dengan komuniti dan industri
- Menggalakkan perkongsian kepakaran, penyelidikan dan inovasi
- Menggalakkan penulisan akademik dan penerbitan
- Tumpu pengiktirafan tempatan dan antarabangsa
- Menjana pendapatan melalui perkhidmatan pakar, pengeluaran penyelidikan dan aktiviti perkongsian

# FOKUS UNIT

Kerjasama antarabangsa

Perspektif antarabangsa

Pembelajaran tanpa sempadan



Artikulasi program

Penghargaan antarabangsa

# LAMPIRAN

- Senarai Semak Perancangan Aktiviti
- Senarai Semak Fail Penyelaras Jabatan
- Senarai Semak Unit Latihan Industri
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Unit)
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Jabatan)
- Carta Alir Perancangan Aktiviti (Program Luar)
- Carta Alir Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)
- Carta Alir Promosi dan Pemasaran

# SENARAI SEMAK PERANCANGAN AKTIVITI

**BAHAGIAN A: UNTUK AKTIVITI DALAMAN ANJURAN UNIT PENGANTARABANGSAAN ATAU JABATAN**

| SEBELUM PROGRAM BERMULA | | Selesai (/) |
|---|---|---|
| A01 | Surat/ memo arahan | |
| A02 | Kertas Kerja | |
| A03 | Senarai lantikan jawatankuasa | |
| A04 | Memo berkaitan | |
| A05 | Surat berkaitan | |
| A06 | Lain-lain perkara | |

| SEMASA PROGRAM BERJALAN | | Selesai (/) |
|---|---|---|
| A07 | Senarai kehadiran | |
| A08 | Maklumbalas peserta | |

| SELEPAS PROGRAM DIJALANKAN | | Selesai (/) |
|---|---|---|
| A09 | Minit mesyuarat/ minit curia (jika berkiatan) | |
| A10 | Laporan program & rekod kehadiran | |
| A11 | Folder gambar sepanjang program berlangsung | |

*Nota:

1. Muatnaik kesemua dokumen ke Google Site Unit Pengantarabangsaan
2. Selaraskan nama setiap *file* yang dimuatnaik mengikut kepada nombor rujukan.
3. Sekiranya terdapat lebih dari satu *file* boleh diletakkan seperti berikut:
   Contoh: A01.1_Memo Pengecualian Kuliah
   A01.2_Memo Makluman Kepada Jabatan

# SENARAI SEMAK FAIL PENYELARAS JABATAN

| A. MAKLUMAT PENYELARAS JABATAN | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Surat lantikan | |
| 02 | Carta organisasi terkini | |
| 03 | Senarai tugas penyelaras jabatan | |
| 04 | Nota serahan tugas | |

| B. MAKLUMAT PENGANTARABANGSAAN JABATAN | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Senarai kepakaran (*niche area*) | |
| 02 | Senarai pensyarah dan kepakaran | |
| 03 | Perancangan aktiviti/ takwim (Unit Pengantarabangsaan) | |
| 04 | Perancangan aktiviti/ takwim (jabatan) | |

| C. AKTIVITI JABATAN | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Kertas cadangan | |
| 02 | Kertas kerja | |
| 03 | Surat lantikan jawatankuasa | |
| 04 | Memo & surat berkaitan | |
| 05 | Minit mesyuarat/ minit curai | |
| 06 | Laporan | |
| 07 | Sijil (jawatankuasa/ peserta) | |

| D. MAKLUMAT PENGLIBATAN STAF | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Pembentangan/ inovasi/ penulisan/ lawatan akademik | |

*Nota:

1. Kesemua dokumen B, C, D perlu dimuatnaik ke Google Site Unit Pengantarabangsaan

# SENARAI SEMAK UNIT LATIHAN INDUSTRI

| A. TINDAKAN SEBELUM FLYERS DIEDARKAN | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Membuat kolaborasi bersama industri bagi menerima pelajar luar negara bagi penempatan selama 30 hari minimum beserta kemudahan penginapan | |
| 02 | Memberikan senarai industri yang terkini kepada unit dan penyelaras LI jabatan sebagai rujukan | |
| 03 | Senarai panel penasihat industri mengikut jabatan | |

| B. 3 BULAN SEBELUM PROGRAM | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Memberikan status penerimaan dari industri untuk menerima pelajar *outbound* 30 hari sebelum ketibaan pelajar | |
| 02 | Penginapan wajib disediakan oleh industri | |
| 03 | Elaun disediakan oleh industri (Jika ada) | |
| 04 | Jadual /aktiviti/ skop kerja dari industri (pengkhususan) | |
| 05 | Dokumen – dokumen yang perlu untuk diisi oleh pelajar (sila rujuk senarai semak dokumen terkini) | |
| 06 | Prosedur/ peraturan industri / UPLI | |

| C. SEMASA PROGRAM BERLANGSUNG | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Pemantauan berkala / kebajikan pelajar sepanjang sesi | |
| 02 | Format laporan Ebook dari UPLI | |
| 03 | Terlibat sebagai JK Pelaksana / Pegawai Perhubungan Awam LI sepanjang sesi program berlangsung. | |
| 04 | Memaklumkan status mingguan kepada Unit Pengantarabangsaan. | |

| D. SELEPAS PROGRAM BERLANGSUNG | | (/) |
|---|---|---|
| 01 | Melengkapkan penilaian keseluruhan projek secara atas talian. | |

*Nota:

1. Kesemua dokumen A,B, C & D perlu dimuatnaik ke Google Site Unit Pengantarabangsaan

# CARTA ALIR PERANCANGAN AKTIVTI (UNIT)

| | Output | Tindakan |
|---|---|---|
| Mula | | |
| Perancangan aktiviti | Kertas cadangan & P.I.C | Ketua Unit, Tim. Ketua Unit |
| Penyelarasan dalam takwim & anggaran bajet | | Setiausaha I |
| Membentuk ahli jawatankuasa & persediaan perjalanan program | Kertas kerja, surat lantikan | Pengarah program |
| Menyerahkan dan muatnaik laporan program (tempoh masa serahan laporan penuh ialah 7 hari selepas program berakhir) | Laporan | Pengarah program |
| Tamat | | |

# CARTA ALIR PERANCANGAN AKTIVITI (JABATAN)

| | Output | Tindakan |
|---|---|---|
| Mula | | |
| Perbincangan bersama Ketua Jabatan dan Ketua Program | Kertas cadangan & P.I.C | Ketua Jabatan, Ketua Program, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| • Penentuan pengarah program<br>• Penubuhan jawatankuasa bertugas<br>• Penyediaan kertas kerja oleh penyelaras program<br>• Kertas kerja tersebut perlu melalui Unit Pengantarabangsaan sebelum diserahkan kepada Pengarah | Kertas kerja | Pengarah program, KU, Penyelaras Aktiviti Unit Pengantarabangsaan, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| → Makluman program kepada Penyelaras Aktiviti Unit Pengantarabangsaan | | |
| Memaklumkan perkembangan program kepada Ketua Unit Pengantarabangsaan | | Pengarah program, KU, Penyelaras Aktiviti Unit Pengantarabangsaan, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| Menyerahkan dan muatnaik laporan program (tempoh masa serahan laporan penuh ialah 7 hari selepas program berakhir) | Laporan | Pengarah program, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| Tamat | | |

# CARTA ALIR AKTIVITI (PROGRAM LUAR)



# CARTA ALIR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

| | Output | Tindakan |
|---|---|---|
| Mula | | |
| Dapatkan kursus PSH daripada KJ/Ketua Unit | Kursus yang bersesuaian | Ketua Jabatan/ Ketua Unit, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan & Penyelaras Jabatan PSH |
| Perbincangan | | Ketua Jabatan/ Ketua Unit, Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| Menyediakan kertas kerja program & dapatkan CV penceramah | Kertas kerja & CV | Pengarah Program, Setiausaha Program |
| Membentuk ahli jawatankuasa dan penceramah serta dapatkan kos/ bajet | Jawatankuasa program & kos program | Pengarah Program, Pen. Pengarah Program Setiausaha Program |
| Mempromosi program di website / email | Pamplet &e-mail | Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| Menyediakan pelaporan program | Pelaporan | Setiausaha Program |
| Jabatan berkaitan dikehendaki menyerahkan laporan program seusai program berakhir (serahan laporan penuh ialah 7 hari selepas program berakhir kepada Unit Pengantarabangsaan) | Pelaporan | Penyelaras Pengantarabangsaan Jabatan |
| Tamat | | |

# CARTA ALIR PROMOSI DAN PEMASARAN



# ULASAN DARI PENGARANG/PENULIS

"Nothing Impossible" dengan perkataan ini kita berani melangkah untuk menerobos penerimaan ilmu dan juga berkongsi tanpa sempadan. Sifat perjuangan untuk para pelajar dan para akademik perlu disokong melalui proses pelaksanaan yang teratur melalui "elimination of time waste in documentation"

# RUJUKAN


1. https://www.asme.org/topics-resources/content/5-lean-principles-every-should-know--



**Unit Pengantarabangsaan, Politeknik Merlimau**

MOBILITI AKADEMIA PENGANTARABANGSAAN

e ISBN 978-967-2762-51-5

9 789672 762515

POLITEKNIK MERLIMAU

(online)